



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

ADAKAH ANDA MEMILIKI AKAUN BANK BERASASKAN ISLAM?

Ketahui sama ada akaun anda dilindungi oleh PIDM


PENGENALAN

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada 30 Jun 2013 yang menggariskan rangka kerja kawal selia bagi sektor kewangan Islam dengan matlamat untuk menggalakkan kestabilan kewangan dan pematuhan Syariah. Di bawah Akta tersebut, institusi kewangan Islam perlu memastikan operasi, perniagaan dan aktiviti mereka patuh Syariah sepenuhnya pada setiap masa.

Bagaimanakah memilih produk bank anda?

Akta Perkhidmatan Kewangan Islam memperkenalkan dua pengelasan utama produk bagi penerimaan wang daripada pelanggan oleh institusi perbankan Islam, iaitu: akaun deposit dan akaun pelaburan Islam.

Sekiranya anda ingin membuka akaun berasaskan Islam, anda perlu tahu perkara berikut:



Apakah perbezaan antara akaun deposit Islam dan akaun pelaburan Islam?

Akaun Deposit	Akaun/ Produk Pelaburan
<p>Deposit Islam ditakrifkan sebagai jumlah wang yang diterima atau dibayar menurut Syariah, yang akan dibayar balik sepenuhnya, dengan atau tanpa sebarang laba, pulangan atau apa-apa pembayaran lain dalam bentuk wang atau nilai seumpamanya, sama ada dituntut atau pada masa atau dalam situasi, yang dipersetujui oleh atau bagi pihak individu yang membuat pembayaran dan individu yang menerimanya.</p>	<p>Akaun pelaburan ditakrifkan sebagai akaun yang mana wang dibayar dan diterima bagi tujuan pelaburan, termasuk bagi peruntukan kewangan, menurut Syariah, dengan syarat bahawa tiada obligasi tersurat atau tersirat sekiranya berlaku sebarang kerugian, untuk membayar balik sepenuhnya wang tersebut dan:</p> <ul style="list-style-type: none"> sama ada hanya keuntungan, atau kedua-dua keuntungan atau kerugian, hendaklah dikongsi antara individu yang membayar wang dan individu yang menerima wang; atau dengan atau tanpa sebarang pulangan.
<p>Akaun-akaun yang mengguna pakai kontrak Syariah seperti Wadiah, Qard, dan Murabahah atau kontrak Syariah lain dengan ciri-ciri prinsipal yang dijamin.</p>	<p>Produk Islam yang mengguna pakai kontrak Syariah seperti Mudarabah, Mushakahar atau Wakalah.</p>
<p>Prinsipal dijamin (Dijamin untuk dibayar balik sepenuhnya amaun prinsipal yang disimpan di bank).</p>	<p>Prinsipal tidak dijamin (Tiada obligasi untuk membayar balik sepenuhnya amaun prinsipal yang disimpan di bank).</p>
<p>Layak bagi perlindungan oleh PIDM.</p>	<p>Tidak layak bagi perlindungan oleh PIDM.</p>

Akaun-akaun manakah yang dilindungi dan tidak dilindungi oleh PIDM di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam?

PIDM ialah pihak berkuasa Kerajaan yang menyediakan perlindungan bagi deposit bank di bawah Sistem Insurans Deposit. Pendeposit bank, sama ada individu atau perniagaan, adalah dilindungi terhadap kehilangan deposit bank mereka yang layak sehingga RM250,000 sekiranya sesebuah bank ahli menjadi muflis.

Sila ambil perhatian mengenai perkara berikut:

- PIDM menyediakan perlindungan bagi semua “deposit Islam” yang layak.
- PIDM tidak melindungi akaun-akaun yang dikelaskan sebagai “akaun pelaburan”.

Bagaimanakah saya boleh mendapat maklumat lanjut mengenai perlindungan PIDM?

- Hubungi talian maklumat bebas tol PIDM: **1-800-88-1266**, Isnin hingga Jumaat dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang
- E-mel kepada info@pidm.gov.my
- Layari laman web PIDM di www.pidm.gov.my



Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
Melindungi Simpanan Dan Insurans Anda Di Malaysia

Bahagian Komunikasi & Hal Ehwal Awam
Aras 12, Axiata Tower (dahulu dikenali sebagai Quill 7),
No. 9, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur,
Tel: 603-2173 7436 / 2265 6565 Faks: 603-2173 7527 / 2260 7432